

**PKR kecam kibar bendera ganti Jalur Gemilang  
Malaysian Insider  
1 September, 2012  
Oleh Mohd Farhan Darwis**

PETALING JAYA, 1 Sept — PKR hari ini mengecam keras tindakan sekumpulan individu yang mengibarkan bendera yang dikatakan akan menggantikan Jalur Gemilang semasa perhimpunan Gabungan Janji di Dataran Merdeka kelmarin.

Timbalan Presiden PKR, Azmin Ali berkata tindakan berkenaan bukan perilaku rakyat Malaysia yang sepatutnya dan PKR tidak mendukung tindakan sedemikian.

"Saya menegaskan ini bukan perlakuan yang perlu dibuat rakyat Malaysia. Ia tindakan tidak sopan dan bertanggungjawab dan PKR tidak mendukung tindakan biadap seperti ini.

"Ia pastinya bukan tindakan yang baik," kata Azmin kepada pemberita sewaktu sidang media di Ibu Pejabat PKR di sini.

Bagaimanapun, Azmin menjelaskan, PKR tidak akan melakukan siasatan berhubung insiden berkenaan kerana program itu bukan anjuran mereka sebaliknya ia adalah anjuran badan bukan kerajaan.

"Perhimpunan itu bukan anjuran PKR, ia inisiatif NGO dan mahu ajak rakyat Malaysia menghayati semangat kemerdekaan.

"Tapi dalam perhimpunan besar seperti itu, ada individu yang cuba mengambil kesempatan," katanya lagi.

Azmin juga turut tidak bersetuju dengan tindakan tersebut dan menolak sekeras-kerasnya perilaku kumpulan berkenaan.

Dipetik Sinar Harian, beberapa individu dan organisasi, termasuk pimpinan pembangkang juga telah menyuarakan rasa kecewa dan marah dengan tindakan mereka yang tidak bertanggungjawab membawa bendera seakan-akan bendera Singapura dan Indonesia itu ketika perhimpunan tersebut.

Menteri Besar Terengganu, Datuk Ahmad Said turut menyelar tindakan individu terbabit dan mempersoalkannya sebagai tidak menghormati kedaulatan negara.

"Apa perlu kita ubah bendera? Apa niat yang cuba disampaikan? Kita selesa dengan apa yang kita ada dan membuat bendera bukanlah perkara mudah kerana ada rasional dibaliknya.

"Apakah kita ingin mentafsir semula negara? Itu tidak betul. Mereka tidak menghormati Jalur Gemilang. Ini gambaran sikap pembangkang yang ingin ubah semuanya? soalnya.

Sementara itu, sayap pemuda Pertubuhan Pribumi Perkasa, Wira Perkasa menyelar kumpulan berkenaan dan menganggap mereka tidak menghormati raja-raja Melayu.

"Wira Perkasa memandang serius perkara ini, kami menganggap pihak itu tidak bertanggungjawab dan tidak menghormati negara dan raja-raja Melayu.

"Sikap-sikap yang tidak bertanggungjawab ini kebudak-budakan. Apakah tujuan sebenar mereka? Adakah mahu negara ini menjadi republik?" soal Ketua Wira Perkasa, Irwan Fahmi Ideris.

Bagaimanapun, pemimpin pembangkang menegaskan mereka tidak memberi sebarang arahan untuk membawa bendera lain untuk menggantikan Jalur Gemilang bagi menimbulkan provokasi.

Jawatankuasa Gabungan Janji, Maria Chin Abdullah berkata, pihaknya tidak memberikan arahan untuk mengedarkan risalah menukar Jalur Gemilang kepada bendera yang dikibarkan sekumpulan remaja di Dataran Merdeka kelmarin.

"Oleh kerana ramai yang hadir untuk menyambut merdeka, saya tidak tahu siapa mereka sebenarnya.

"Sepatutnya mereka tidak boleh berbuat demikian kerana kita perlu hormat Hari Kemerdekaan," katanya.

Naib Presiden PKR, Tian Chua juga turut menegaskan agar semua pihak tidak membuat sebarang spekulasi negatif terhadap himpunan Hari Kemerdekaan dan Gabungan Janji yang berlangsung secara aman kelmarin.

"Saya tidak tahu tentang bendera ini walaupun saya hadir, namun saya berpendapat kemungkinan tindakan mereka yang tidak bertanggungjawab mahu mencetuskan spekulasi.

"Saya harap semua pihak tidak merosakkan suasana sambutan Kemerdekaan dengan spekulasi isu bendera ini," katanya lagi.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pkr-kecam-kibar-bendera-ganti-jalur-gemilang/>